

## ***JIHAD ZAMAN RASULULLAH SAW***

Apa jua yang menjadi dasar dalam Al-Quran perlu difahami dalam konteks pelaksanaannya ketika zaman Rasulullah saw dan para sahabat. Penjelasan selanjutnya pula hendaklah bersandarkan ijmak (pendapat sepakat) para ulama Islam yang benar-benar faham tentang maksud dan liku-liku Jihad dan komited bersesuaian dengan Qiyas serta Maslahat dan Maqasid Syariah.

Begitulah juga dengan pemahaman mengenai *jihad*. Ia merupakan antara tanggungjawab umat Islam agar mencapai matlamat **umat sederhana** dan **contoh terbaik** daripada sekalian umat manusia.

Sejarah perjuangan Rasulullah saw merupakan contoh *jihad* yang klasik dari permulaan Baginda diangkat sebagai Rasul pada usia 40 tahun sehingga terbina negara Islam di Madinah dengan pemerintahannya dan pentadbirannya sebagai negara Islam sehingga wafatnya dalam usia 63 tahun, kemudian diikuti pula oleh Khulafaur Rasyidin.

### **MENYUSUR JIHAD**

#### **JIHAD SECARA DAKWAH**

##### **a. Tahap Selindung**

Rasulullah saw menyebarkan Islam bermula dengan keluarganya iaitu isterinya, Khadijah, dan kemudian jiran dan sahabatnya, Abu Bakar. *Jihadnya* atau dakwah dilakukan secara **penuh hikmah, timbang rasa (simpati), halus budi pekerti dan berselindung** kerana menyedari masyarakat Makkah masih berpegang kuat pada amalan nenek moyang mereka iaitu menyembah berhala yang banyak terdapat di sekeliling Kaabah.

Baginda menjadikan rumah Arqam sebagai pusat **melatih para da'i** atau **pendakwah kental**. Namun akhirnya dakwah Baginda dapat dikesan oleh penduduk Makkah yang mengancam nyawanya dan para pengikutnya. Para hamba yang memeluk agama Islam seperti Bilal bin Abu Rabah disiksa oleh majikan, tetapi **para sahabat yang berharta** seperti Abu Bakar telah menebus mereka, dan banyak lagi contoh-contoh yang serupa ini dari tokoh-tokohnya yang lain.

Baginda dilindungi oleh kalangan yang berpengaruh, termasuklah isterinya Khadijah, seorang bangsawan dan hartawan dan pamannya,

Abu Talib, antara orang tua-tua Bani Hashim yang mengelolakan Kaabah dari zaman berzaman.

#### **b. Tahap Terang-Terangan**

Baginda ingin menjadikan *jihad* iaitu dakwahnya secara terang-terangan dengan sering **berdoa** agar salah seorang daripada dua tokoh yang memusuhinya agar memeluk agama Islam, iaitu Amru Bin Hisyam (Abu Jahal) dan Omar Bin Al-Khattab yang memeluk agama Islam dan kemudian membentuk barisan 'pertahanan' yang disegani penduduk Makkah.

Dalam tahun ke-10 kenabiannya, dua orang tunjangan Baginda, Khadijah dan Abu Talib, pulang ke rahmatullah berturut-turut. Dakwah Baginda berada di peringkat runcing kerana penganiayaan penduduk Makkah. Baginda telah cuba berdakwah di Taif tetapi dihalau dan dibaling batu oleh penduduk di sana. Selepas itu, Baginda melaksanakan Israk dan Mikraj untuk menguatkan hatinya agar dapat meneruskan tugasnya ketahap selanjutnya bagi pengembangan Islam. Rasulullah saw telah meminta para sahabat **berhijrah** ke Habsyah untuk melindungi diri daripada **penganiayaan**.

#### **c. Tahap Hijrah**

Pada tahun ke-13 kenabiannya, atas nasihat para sahabat yang amat bimbang dan tentulah mendapat petunjuk Ilahi, maka Baginda memutuskan berhijrah ke Madinah. Mentelah sudah ada penduduk Madinah yang memeluk agama Islam dan mereka menggesa Nabi saw bermukim di kota mereka.

Dalam 10 tahun di Madinah, berlaku perkembangan Islam yang amat pesat. Oleh itu, **hijrah merupakan satu lambang perubahan minda** atau anjakan paradigma dalam seluruh perjuangan Rasulullah saw. Falsafah di sebaliknya begitu luas untuk dijangkau.

#### **d. Tahap Penguksuhan dan Pembangunan**

Di Madinah, Baginda telah:

1. Mengikat tali persaudaraan antara dua kaum di Madinah yang sering bertikai antara Aus dan Khazraj dan menamakan mereka kaum Ansar (pembela Islam). Kemudian Ansar dipertautkan dengan para pendatang dari Makkah, Muhajir.
2. Membangun prasarana khususnya masjid yang tercantum di dalamnya pusat pentadbiran, pendidikan dan sosial.
3. Mengatur perlembagaan iaitu Piagam Madinah yang merupakan asas pembentukan negara. Inilah piagam pertama dunia yang mengiktiraf hak asasi dan memberikan perlindungan kepada amalan beragama secara harmoni.
4. Mengatur pentadbiran awam meliputi bantuan kebajikan.
5. Mengatur dasar pertahanan dan hubungan luar (antarabangsa) menerusi \*pengutusan wakil, surat menyurat dan perjanjian.

Oleh itu, dakwah serta *jihad* Baginda amat teratur dan amat menurut perkembangan yang sesuai. Mengapakah Baginda tidak memilih untuk mengumpulkan pasukan gerila di Makkah dalam melawan golongan kafir? Tentu ini merupakan pilihan Baginda yang baik. Tetapi beliau tidak melakukannya sekali kerana Baginda diutus ke dunia sebagai 'rahmat seluruh alam'. Mesejnya bersifat damai dan menjerus kearah ketenangan.

## **JIHAD SECARA QITAL (PERANG)**

### **Konsep Pertahanan**

Mengapakah Baginda memilih untuk berperang? Sebenarnya setelah tertubuh negara Madinah, ancaman terus meningkat – sama ada dari dalam dan juga dari sekelilingi, terutama penduduk Makkah yang amat iri hati dan bertekad untuk menghancurkan Baginda dan umat Islam. Usaha Baginda untuk berbaik-baik dengan jiran-jiran sekeliling terus dibantah dan dihina. Malah utusan Baginda ditangkap, disiksa dan dibunuh. Dalam konteks inilah turun wahyu yang bermaksud:

•

*“Telah diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi (kaum Muslimin), kerana sesungguhnya mereka telah dianiayai. Dan sesungguhnya Allah benar-benar berkuasa menolong mereka*

*itu, (iaitu) orang-orang yang diusir dari kampung halaman mereka tanpa alasan yang benar, kecuali kerana mereka berkata: Tuhan kami hanyalah Allah Dan sekiranya Allah tiada menolak (keganasan) sebahagian manusia dengan sebahagian yang alain, tentulah telah dirobuhkan biara-biara Nasrani, gereja-gereja, rumah-rumah ibadat orang Yahudi dan masjid-masjid, yang di dalamnya banyak disebut nama Allah. Sesungguhnya Allah pasti menolong orang yang menolong agamaNya. Sesungguhnya Allah benar-benar Maha Kuat lagi Maha Perkasa .”<sup>1</sup>*

Maka ketika inilah,  *Jihad* Baginda bersifat  *qital* iaitu **berperang dalam rangka bela diri**. Maksud bela diri ialah umat Islam tidak memulakan perang tetapi bertahan menanti musuh. Namun Rasulullah saw menetapkan medan perang hendaklah jauh dari tempat singgah penempatan awam demi mengelakkan pembunuhan orang awam.

Sirah mencatatkan Baginda menyertai 26 peperangan. Tetapi hanya tiga medan saja yang Baginda sertai iaitu Badr, Uhud dan Khandak. Selebihnya Baginda mengarahkan para panglimanya untuk bertindak dengan bijak dan berperni kemanusiaan.

Jika diteliti dengan lebih mendalam akan sebab-sebab peperangan itu berlaku, maka kita dapati ia lebih berdifat defensif, tujuannya tidak lain ialah bagi mempertahankan diri, masyarakat dan negara. Ayat-ayat al-Quran sudah menjelaskan bahawa peperangan dalam Islam hanya tercetus apabila orang Islam mendapat isyarat atau keizinan daripada Allah menerusi wahyu yang disampaikan kepada Nabi Muhammad saw. Ini bermakna bahawa konsep peperangan dalam Islam ada kaitannya dengan pemerintah atau suruhan Allah. Dia (Allah) lebih mengetahui penderitaan yang dialami orang Islam. Dengan sebab itu, dia memerintahkan berjihad (berperang kerana mempertahankan diri, negara dan agama).

---

<sup>1</sup> Surah Al Hajj: 39-40

## Prinsip Perang

Baginda telah menetapkan prinsip perang berdasarkan bela diri seperti berikut:

- 1 Melindungi nyawa tawanan perang yang sudah menyerah diri. Malah Sirah mencatatkan bahawa tawanan perang itu diberikan pilihan untuk terus di penjara atau melakukan amal kebajikan seperti mengajar membaca dan menulis.
- 2 Tidak menjejaskan orang awam dan harta benda, malah sekitaran:

*"Jadi, janganlah kamu membunuh anak-anak kecil, hamba yang digaji dan perempuan..."*

*"Jangan membunuh wanita, kanak-kanak kecil dan mereka yang telah berumur. Janganlah kamu membakar tumbuhan-tumbuhan kurma, mencabut tumbuhan-tumbuhan serta memusnahkan rumah-rumah."*<sup>2</sup>

*"Punya belas kasihan kepada mereka yang didunia ini dan Dia yang di Syurga akan belas kasihan kepadamu."*<sup>3</sup>

*"Allah tidak akan memberikan belas kasihannya kepada sesiapa sahaja yang tidak mempunyai belas kasihan terhadap sekalian manusia."*<sup>4</sup>

Tegasnya aspek *qital* bukanlah aspek utama dalam pengembangan Islam. Ia terpaksa dilakukan jika tiada pilihan lain iaitu antara hidup dengan mati. Namun salah faham berlaku, terutama yang sering diperbesarkan oleh sejarawan asing bahawa kononnya Islam mula berkembang dengan pedang. Malangnya dalam zaman mutakhir, kegiatan pembangkit Islam telah menggunakan penganasan sebagai kaedah atau strategi mereka. Jadi, dakwaan para sejarawan asing itu menjadi mudah diterima oleh majoriti umat manusia yang bukan Islam.

Mufti, Syeikh 'Atiyyah Saqr, Mantan Ketua Lembaga Fatwa Al-Azhar ada menerangkan di dalam fatwanya yang bertajuk 'Jihad di dalam Islam: Pencegahan atau Pertahanan?' seperti berikut:

*"Jihad itu ialah salah satu daripada perkataan yang telah disalahfaham pengertiannya dan disalahguna istilahnya dari segi*

---

<sup>2</sup> Riwayat Tirmizi dan Abu Dawud

<sup>3</sup> Riwayat Tirmizi dan Abu Dawud

<sup>4</sup> Riwayat Bukhari dan Muslim.

*Islam. Ada beberapa Muslim yang mengeksploitasikan dan menyalahgunakan konsep ini atas dasar tujuan politik mereka sendiri. Ramai yang bukan Islam jua salah faham pengertiannya. Ada juga di antara mereka yang telah menyalahafsir akannya dengan tujuan memberi gambaran yang tidak baik kepada Islam dan umatnya.*

*Kerana itulah, perkataan 'Jihad' telah disalahgunakan kerana salah faham akan maksud sebenarnya. Perkataan 'Jihad' itu berasal daripada bahasa Arab jahd, yang bermakna keletihan atau daripada perkataan juhd yang bermakna usaha. Seorang mujahid itu adalah orang yang berusaha kerana Allah swt dan berusaha bersungguh-sungguh dan ini akan membuatnya keletihan. Jihad bermakna bersungguh-sungguh kerana ingin mencapai tujuan atau untuk 'mencegahkan sesuatu yang tidak diinginkan'. Ia juga boleh dikatakan sebagai satu usaha yang akan membawa kepada kebaikan atau pun untuk mencegah daripada keburukan.*

*Jihad boleh dilakukan melalui apa cara sekalipun dari segi kebendaan mahupun dari segi moral. Antara jenis jihad ialah perjuangan nafsu, syaitan, kemiskinan, buta huruf dan penyakit serta segala kejahatan di dunia ini.*

*Ada banyak kitab yang menerangkan tentang pembahagian Jihad. Satu daripada pengertian jihad ialah untuk mempertahankan diri, harta benda serta maruah. Mereka yang meninggal dunia apabila sedang berjihad dianggap mati syahid, sebagaimana yang telah disahkan oleh sebuah hadith Rasulluh saw. Jihad juga dilakukan untuk membanteras penindasan di sesebuah negara dan kepada apa jua yang dianggap suci, atau pun untuk menghadapi mereka yang cuba menghalang panggilan kebenaran."*

*Justeru itu, Jihad bukanlah sebagai senjata untuk mengisytiharkan peperangan ke atas mereka yang tidak bersalah. Ia juga bukanlah untuk mempamerkan kekuatan seseorang itu dan mengganggu mereka yang lemah dan tertindas. Jihad dalam Islam ialah sesuatu yang luar biasa dan ditubuhkan untuk mempertahankan risalah Tuhan dari dihapuskan atau dihalang oleh musuhNya.*

*Dengan memberi tumpuan pada soalan yang telah dikemukakan, Sheik Abdul Majid Subh, seorang alim yang terkenal dari Al-Azhar telah menyatakan seperti berikut:*

*"Saya ingin memberitahu kamu, wahai anak-anakku, yang berkongsi sesama pendapat, atau pun mereka yang mempunyai pendapat sendiri, bahawa memahami Jihad sebagai pertahanan*

*dengan memulakan peperangan tanpa sebarang alasan yang diterima oleh Islam adalah salah dari segi syariah Islam dan ayat-ayat Al-Qur'an. Dalam Al-Qur'an, jihad defensif dilaksanakan untuk menolak sifat agresif, sementara jihad pencegahan dilakukan apabila, umat Islam itu benar-benar pasti bahawa pengkhianatan atau pun suatu serangan bertentangan dengan wilayahnya daripada seorang musuh."*

*Merujuk kepada ini, Allah swt telah berfirman:*

*"Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh. Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapati mereka dan usirlah mereka dari tempat yang mereka telah mengusir kamu dan (ingatlah bahawa angkara) fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar Masjidilharam sehingga mereka memerangi kamu di situ. Oleh itu kalau mereka memerangi kamu (di situ), maka bunuhlah mereka. Demikianlah balasan bagi orang-orang yang kafir.*

*Kemudian jika mereka berhenti memerangi kamu (maka berhentilah kamu); kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah dan (sehingga) menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah. Kemudian jika mereka berhenti maka tidaklah ada permusuhan lagi melainkan terhadap orang-orang yang zalim. (Mencabuli) bulan yang dihormati itu ialah dengan (sebab membalas pencabulan dalam) bulan yang dihormati dan tiap-tiap perkara yang dihormati itu (jika dicabuli), ada balasannya yang seimbang. Oleh itu sesiapa yang melakukan pencerobohan terhadap kamu maka balaslah pencerobohannya itu seimbang dengan pencerobohan yang dilakukannya kepada kamu dan bertakwalah kamu kepada Allah serta ketahuilah: Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang bertakwa. (yakni orang yang memerangi kamu dan mendendam perasaan kepada kamu)”<sup>5</sup>*

*Ramai orang yang bukan Muslim kerap menyalahgunakan makna ayat di atas ini. Saya dapati bahawa:*

- 1. Jihad dari segi pencegahan di ayat pertama **“Perangi...”** bukanlah suatu isyarat untuk memerangi mereka yang berlainan fahaman. Malah, ia ditentukan dengan **“...orang-orang yang memerangi kamu..”***
- 2. Ayat **“Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapati mereka...”** ditentukan dengan **“...kalau mereka memerangi kamu..”***
- 3. Peraturan umum yang harus ditumpukan oleh setiap orang ialah perhatian pada ayat **“...Allah tidak suka kepada orang-orang yang mencero boh, dan “...Kemudian jika mereka berhenti memerangi kamu (maka berhentilah kamu).”***

*Selepas keterangan ini, ingin saya menambah bahawa Islam melarang menyerang mereka yang tidak memulakan pertempuran. Sebagaimana yang tertera di atas, Jihad dari segi pencegahan boleh berlaku hanya apabila terdapat pengkhianatan terhadap umat Islam daripada musuh yang bertempat sewilayah, di mana mereka hidup dengan aman ataupun serangan ke atas wilayah Islam. Dalam kes seperti ini, orang Islam tidak digalakkan untuk hanya berdiam diri dan menunggu serangan daripada orang lain, walaupun peperangan yang diandaikan itu bukanlah matlamatnya.*

---

<sup>5</sup> Surah Al-Baqarah;190-194

Dengan demikian, ingin saya membahagikan peperangan itu kepada tiga kategori utama iaitu:-

1. **Jihad Pertahanan**, diisytiharkan hanya jika musuh-musuh Islam menyerang agama, maruah, harta benda dan wilayahnya.
2. **Perang Kebebasan**, dilaksanakan kepada mereka yang ditindas seperti hamba. Peperangan semacam ini biasa berlaku pada awal perkembangan Islam.
3. **Perang Pencegahan**, diisytiharkan jika umat Islam mendapati pengkhianatan terhadap perjanjian damai bersama musuh, atau pun apabila musuh-musuh mempunyai rancangan untuk menyerang mereka.

Haruslah ditekankan bahawa kesemua jenis peperangan yang telah disebutkan di atas telah diluluskan oleh undang-undang antarabangsa dan pada hakikatnya ia juga adalah perundangan masa kini. Wallahu a'lam."<sup>6</sup>

## MENGHADAPI BUKAN ISLAM

Bagaimanakah Baginda menghadapi masyarakat bukan Islam yang jumlahnya lebih besar daripada umat Islam ketika itu?

[Menurut Dr Ismail Bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah, Institut Kefahaman Islam Malaysia, dalam makalah berjudul Pengertian *Jihad* Sesama Islam, bahawa *jihad* terbesar Baginda ialah menagai kejahilan, kemiskinan, nafsu cela seperti sifat bongkak, menindas kaum lemah (termasuk wanita dan hamba) dan membina tamadun berasaskan adab dan ilmu.]<sup>7</sup>

### Pembahagian *Jihad* Dalam Islam

[*Jihad* terbahagi kepada dua, iaitu *Jihad* kecil, sebagaimana yang diterangkan oleh Nabi Muhammad saw ialah *jihad* yang menentang

---

<sup>6</sup> Terjemahan petikan Fatwa – ‘Jihad di Dalam Islam: Pencegahan atau Pertahanan?’ dari Fatwa Bank. <http://www.islam-online.net/fatwa>.

<sup>7</sup> Petikan dari ‘Pengertian Berjihad Sesama Islam’ daripada Dato’ Dr Ismail Bin Hj Ibrahim, 10 Mei 01. (<http://www.ikim.gov.my/ar01-um20.html>)

musuh dalam peperangan, sementara *jihad* yang lebih besar ialah *jihad* melawan hawa nafsu. *Jihad* menentang musuh (orang kafir) dalam peperangan hukumnya fardhu kifayah. Dalam perkara hukum Jihad terbagi kepada dua :

1. Fardu 'Ain - jika negara Islam diserang.
2. Fardu Kifayah - jika ingin menyerang negara musuh yang memerangi negara Islam.

Adalah menjadi tugas dan tanggung jawab setiap negara Islam dan umat Islam di negara itu mempertahankan agama dan negaranya jika diancam musuh. Dari segi pelaksanaan, *jihad* terbahagi kepada beberapa jenis iaitu:

1. *Jihad* dengan hati
2. *Jihad* dengan lisan dan pena
3. *Jihad* dengan harta
4. *Jihad* dengan pendidikan
5. *Jihad* dengan kuasa dan nyawa

### ***Jihad* Menentang Orang Kafir**

*Jihad* dengan tujuan menentang orang-orang kafir itu dilaksanakan dengan cara-cara yang berbagai. Antaranya *jihad* dengan menentang orang kafir dengan memperhebatkan usaha dakwah dan penerangan yang menyeluruh agar mereka dapat memahami dan menerima Islam. *Jihad* ini sememangnya nampak jelas pada pandangan umum. Kedudukan orang kafir sesudah perintah *jihad* terbahagi kepada tiga golongan:

- *Kafir Harbi*, iaitu golongan yang memusuhi Nabi Muhammad saw dan diperintahkan supaya diperangi.
- *Kafir Ahdi*, iaitu golongan yang terikat dengan janji tidak memusuhi Islam.
- *Kafir Zimmi*, iaitu golongan yang memohon perlindungan dengan menyatakan kepatuhan kepada Negara Islam dan mendapat jaminan hidup aman di bawah pemerintahan Islam.

Orang kafir, tanpa membezakan sama ada mereka ahli kitab, Majusi dan sebagainya, yang bermusuhan dengan orang Islam dikira musuh (Al-Harbiyyun). Negara mereka juga dianggap sebagai Negara musuh (Darul Harb). Sebaliknya, kafir yang tidak bermusuhan dengan orang Islam tidak digolongkan sebagai musuh. Jelaslah kekufuran saja bukanlah menjadi sebab yang membolehkan orang Islam memerangi mereka.

Ahlul harbi diperangi secara zahir apabila terbukti mereka:

- membunuh pendakwah,
- menyekat ekonomi,
- membuat kerosakan yang bertujuan untuk memusnahkan masyarakat dan pemerintah Islam.]<sup>8</sup>

[Andai mereka menyebarkan fitnah dalam bentuk kata-kata atau tulisan, maka umat Islam berjihad dengan cara serupa iaitu membidas tulisan atau kata-katanya. Umumnya, strategi menentang kafir harbi ialah dengan hati, lidah, harta dan berjihad terhadap musuh nyata hendaklah ekonomi dengan ekonomi, pendidikan dengan pendidikan, siasah dengan siasah dan kekuatan dengan kekuatan.

Bagi munafik pula, umat Islam hendaklah membetulkan mereka dengan kebenaran lisan dan tulisan serta senantiasa mengingatkan mereka akan balasan Allah kepada golongan hipokrit atau berpura-pura].<sup>9</sup>

## KONTEKS JIHAD RASULULLAH SAW UNTUK HARI INI

*Jihad* pada jalan Allah adalah satu proses yang berterusan bermula daripada diri, keluarga, masyarakat, negara dan alam sejagat di dalam semua aspek kehidupan seperti pendidikan, ekonomi, ketenteraan, kehakiman dan sebagainya. Contohnya, di peringkat diri ialah dengan membina ilmu, iman dan amal. Ilmulah yang menyepadukan antara yang berteraskan wahyu dan dapatan; pengalaman serta eksperimen (revealed and acquired knowledge), sehingga lahir individu yang berilmu dan menghampirkan dirinya kepada Allah - "IQRAQ" membawa kepada "WAS JUD WAQ TARIB".

Peringkat keluarga pula menepati firman Allah dengan ayat berikut:

*"Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, yang keras, yang tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang*

<sup>8</sup> Ensiklopedia Islam terbitan Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad, Jilid 5 – *Jihad* Kafirin ms 222.

<sup>9</sup> <http://iskandariah.tripod.com/jihad.html>

*diperintahkanNya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.”<sup>10</sup>*

Peringkat masyarakat pula menepati firman Allah dengan ayat berikut:

•

*“Jika penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya.”<sup>11</sup>*

Peringkat negara dan alam seagat pula menepati firman Allah dengan ayat berikut:

•

*“Sesungguhnya bagi kaum Saba’ ada tanda (kekuasaan Tuhan) di tempat kediaman mereka iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (kepada mereka dikatakan): “Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun”.”<sup>12</sup>*

Selain itu, perjuangan Islam perlu ada peraturan dan strategi agar ia tersusun dan mencapai matlamatnya.

Nabi saw senantiasa mengingatkan bahawa perjuangan Islam bermula dengan perpaduan, ilmu dan adab. Perpaduan bererti bertindak sebagai satu jamaah atau harakah dengan bersaf-saf (tersusun dan berbaris-baris menurut taraf kepimpinan dan tanggungjawab).

Al-Quran mengiktiraf bahawa umat manusia berbangsa-bangsa dan tidak semuanya seagama. Oleh itu, umat Islam perlu melihat kepelbagaian ini

---

<sup>10</sup> Surah Al-Tahrim: 6

<sup>11</sup> Surah Al-A’raf: 96

<sup>12</sup> Surah Saba’:15

sebagai fitrah atau sunatullah. Ia tidak boleh diubah dengan memaksa orang lain memeluk Islam. Kesedaran seseorang insan memeluk Islam ialah kerana adanya hidaya dan taufik daripada Allah swt. Contohnya, pada saat akhir pamannya Abu Talib, Nabi saw memujuknya agar membacakan kalimah syahadah. Namun pamannya tidak menyebutnya. Nabi saw berdoa agar Allah swt memasukkan pamannya di kalangan orang beriman. Namun Allah menegaskan bahawa soal keimanan seseorang merupakan urusan-Nya. Firman Allah swt :

•

*Sesungguhnya kamu tidak akan dapat memberi petunjuk kepada orang yang kamu kasihi, tetapi Allah memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaki-Nya dan Allah lebih mengetahui orang-orang yang diberi petunjuk.<sup>13</sup>*

•

*Tiada paksaan untuk memasuki agama Islam. Sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat.<sup>14</sup>*

Jelasnya, Islam tidak pernah memaksa sesiapa pun kepada islamnya, dan ayat berikut membuktikan lagi dengan lebih jelas iaitu ayat “Lakum Diinukum Waliya Diin” yakni kamu tetap dengan kepercayaanmu, dan kami tetap dengan kepercayaan kami. Tegasnya, tidak dibolehkan si Muslim itu memaksa orang menganut agamanya secara paksaan atau dengan kekerasan.

### ***Jihad Menentang Kekufuran***

Nabi saw lebih mengutamakan umatnya menentang kekufuran iaitu apa jua hal yang boleh membuat mereka terkeluar daripada keimanan. Antara pesanan beliau yang boleh membawa kekufuran ialah:

- Kemiskinan
- Rasuah
- Buta huruf
- Kezaliman
- Salah laku seks

---

<sup>13</sup> Surah Al-Qasas:56

<sup>14</sup> Surah Al-Baqarah: 256

- Penipuan

Malangnya dalam satu kajian Bank Dunia dan juga tinjauan pembangunan manusia di Timur Tengah, hal-hal kekufuran tadi berlaku dalam masyarakat Islam.

Sayugia diingat, daripada 1.2 bilion jiwa umat Islam, sepertiga hidup di bawah paras kemiskinan mutlak. Apabila miskin, umat Islam sukar mendapatkan pendidikan yang sempurna. Buta huruf menjejaskan mereka mendalami Islam dan ilmu-ilmu penting untuk maju.

Dari segi keadilan, didapati banyak umat Islam berada di bawah pemerintahan yang menindas atau tidak memberikan hak kebebasan bersuara untuk memilih pemimpin mereka.

Dari segi salah laku seks, termasuk pelacuran dan perdagangan manusia (jual beli perempuan atau kanak-kanak), perangkaan dunia menunjukkan ia amat meluas di kalangan negara majoriti Islam. Malah angka Aids juga agak tinggi seperti di kalangan masyarakat Islam di Tanzania.

## STRATEGI BERTERASKAN ILMU DAN HIKMAH

Selain wahyu pertama yang mendorong orang Islam 'membaca' dan 'menulis', hampir 50 peratus ayat Quran merujuk mengenai ilmu atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Allah *swt* menegaskan bahawa seorang mukmin tidak harus berputus asa dalam berdakwah (dengan Quran) kepada orang kafir sebagaimana firman Allah *swt* dalam Surah Al-Furqan ayat 52 :

•

*Maka janganlah kamu mengikuti orang-orang kafir, dan berjihadlah terhadap mereka dengan Al-Quran dengan jihad yang besar.<sup>15</sup>*

Malah dalam berdepan dengan penceroboh atau pengganas, Islam menyeru jalan damai. Tetapi jika jalan damai tidak dapat diperolehi, maka tiada pilihan selain tindakan ketenteraan yang bertujuan membela diri.

---

<sup>15</sup> Al Furqan:52

Dalam hadis Bukhari, Sayidatina Aisyah ra meriwayatkan jika ada dua pilihan terbentang kepada Rasulullah saw, Baginda akan meninggalkan pilihan yang sukar.

Menurut Muhammad Hassanein Heikal dalam *Riwayat Hidup Nabi Muhammad*, Baginda senantiasa memilih jalan lembut dan aman demi merubah keadaan masyarakatnya. Malah ketinggian pekerti Baginda turut dinyatakan oleh musuhnya seperti Abu Sufyan sebelum beliau memeluk agama Islam yang mengadap maharaja Rom, Heraclius.

Keseluruhan hidup Baginda memaparkan cara-cara pragmatik dalam menghadapi apa jua keadaan iaitu:

- Hindari sengketa dan bina keharmonian;
- Utamakan rundingan dan hindari keganasan;
- Dapatkah kesepakatan dan jalin hubungan baik; dan
- Sebarkan rasa persaudaraan sesama Islam dan sesama manusia.

Sewaktu Rasulullah saw memasuki Makkah, terdapat lebih 360 berhala di sekitar Kaabah. Turun wahyu menyuruh Rasulullah saw mensucikan Kaabah. Namun dalam suasana yang masih berkecamuk, Rasulullah saw tidak terus menghapuskan berhala, tetapi menyampaikan seruan tauhid. Kehadiran Rasulullah saw pada ketika itu bersama 10,000 perajurit Islam. Namun Baginda tidak menggunakan kuasa ketenteraan untuk membalas dendam.

Konsep perjuangan damai Rasulullah saw telah menjadi ikutan umat manusia di serata dunia seperti dalam perjuangan Mahatma Karamchand Gandhi untuk memerdekakan India daripada penjajahan dan gerakan menegakkan hak asasi kulit hitam Amerika Syarikat oleh Dr Martin Luther King, Jr.

Umat Islam wajib meneruskan cara damai Rasulullah saw dalam *berjihad* seperti mewujudkan badan bantuan hak asasi antarabangsa untuk membela insan yang tersepit di mana jua. Cara ini juga sebagai dakwah yang membuktikan salam damai Islam dan setiap adanya orang Islam, pasti keadilan dan pembelaan terpelihara.